

Berita Rakan Penabur



Warta suku tahun yang menghubungkan penerbitan sumber dalam BM dengan gereja-gereja BM di Malaysia



Sowing BM Christian Resources
Bridging Christian Communities

Misi Wawasan Penabur:

1. Mengembang & mengedar bahan-bahan sumber BM Kristian dengan bekerja-sama dengan Gereja BM di Malaysia.
2. Membangun kesedaran tentang peluang dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Gereja BM.
3. Menjadi jambatan antara Gereja BM dan bukan BM.

Berita Rakan Penabur ialah penerbitan berita elektronik pelayanan Wawasan Penabur.

Alamat Surat-Menyurat:

P.O.Box: 8327,
Kelana Jaya Post Office,
46787 Petaling Jaya
SELANGOR
Tel/Fax: 03-5888 4987
Email: wawasan.penabur@gmail.com
Website: wawasanpenabur.org

Aspirasi Bulan April

Di Hemisfera Utara, Paskah juga adalah permulaan musim bunga - musim yang hebat di mana banyak benih yang 'telah mati', kembali untuk hidup. Gereja di Malaysia adalah suatu refleksi tentang ini juga. Dengan pelbagai cabaran sejak awal tahun ini, di mana kejadian terbaru memaksa sebuah gereja menurunkan tanda salib dari bangunan mereka, tiba-tiba Gereja mula terjaga dari zon berpuas hatinya. Kita perlu alami api pemurnian Tuhan bagi waktu seperti ini.

Tujuh minggu selepas kebangkitan Yesus, pada hari Pentakosta, Roh Kudus telah dicurahkan ke atas para pengikut Yesus yang berkumpul di Jerusalem. Hari ini, Allah masih mencurahkan Roh-Nya kepada semua yang percaya kepada Yesus Kristus dan menjadi murid-Nya (lihat Rom 8: 1-11). Pentakosta memaparkan kepada kita peluang untuk memikirkan bagaimana hidup kita setiap hari. Adakah kita bergantung kepada kuasa Roh Allah? Adakah kita tunduk kepada bimbingan Roh Kudus? Apakah buah Roh (kasih, sukacita, damai sejahtera, dsbnya) semakin bertumbuh dalam kehidupan kita?

Pada hari Pentakosta, Roh Kudus memperkasakan orang yang percaya kepada Yesus untuk memuji Allah dalam banyak bahasa yang mereka tidak pelajari (Kisah 2: 5-13). Secara simbolik, keajaiban ini mengukuhkan misi pelbagai bahasa, pelbagai budaya dan suku kaum gereja. Kita akan menjadi satu komuniti di mana semua orang telah dipanggil oleh kasih Allah dalam Kristus. Walaupun terdapat beberapa pengecualian, secara umum gereja belum lagi hidup berlandaskan misi pelbagai bahasa tersebut. Kita sering dibahagikan mengikut bahasa, bangsa dan suku. Oleh itu Pentakosta mencabar kita semua untuk meneliti sikap kita sendiri dalam hal ini, untuk menolak dan bertaubat daripada sebarang prasangka yang menghendap dalam diri kita, dan untuk membuka hati kita kepada semua orang, terutamanya mereka yang berlainan bahasa dan budaya daripada kita. Ini tidak mudah, tetapi ia adalah inti kepada panggilan kita - sesuatu yang Roh Allah akan membantu kita lakukan jika kita terbuka kepada-Nya.

Semasa kita menghampiri Minggu Pentakosta, marilah kita memeriksa diri kita sendiri. Adakah saya melayani Tuhan melalui kuasa Roh Kudus? Adakah saya menggunakan kurniaan Roh dalam hidup saya, di dalam gereja atau di luar sana? Marilah kita memohon kepada Allah untuk memenuhi kita sekali lagi dengan Roh-Nya supaya kita dapat turut serta dalam pelayanan Kristus dengan penuh semangat. Dan inilah masanya untuk kita memperbaharui komitmen kita bagi memenuhi peranan penting dalam pelayanan umat Allah di negara ini

Tuhan memberkati.

Tuhan, Beri Kami Hati yang Baru

"Apabila hari Pentakosta tiba, semua orang percaya kepada Kristus berkumpul di satu tempat. Tiba-tiba terdengar bunyi dari langit seperti tiupan angin yang kuat. Bunyi itu memenuhi rumah tempat mereka sedang duduk. Lalu mereka nampak sesuatu yang menyerupai lidah api yang menjalar dan menghinggapi setiap orang di situ. Mereka semua dikuasai oleh Roh Allah. Mereka mula berkata-kata dalam pelbagai bahasa lain, menurut apa yang diberikan oleh Roh Allah kepada mereka." (KRR 2:1-4)

Dalam masa beberapa minggu, Gereja akan menyambut hari Minggu Pentakosta. Pentakosta yang pertama telah mengubah sekumpulan orang yang ketakutan kepada saksi-saksi yang berani. Kristus yang bertakhta telah turun dari syurga dan menenggelamkan mereka dengan api Roh Kudus. Iman dan keberanian mereka bangkit di tengah-tengah cabaran yang mereka hadapi pada masa itu.



Kita memasuki 2015 dengan berita usaha aktif pengislaman di sekolah-sekolah oleh guru-guru Islam dari Semenanjung. Pada bulan Februari, seorang murid perempuan berusia 16 tahun dari SMK Kinarut, Sabah, dilaporkan telah diislamkan tanpa pengetahuan ibu bapanya. Dan baru-baru ini satu lagi kes melibatkan murid berusia 13 tahun dari SMK Lutong di Miri, Sarawak. Pelayanan kampus mendengar sebenarnya ada enam belas pelajar diislamkan di Kinarut tetapi hanya seorang bapa sahaja yang membuat aduan, sementara yang lain tidak mempunyai bantahan anak-anak mereka bertukar agama.

Apabila semua berita mula reda selepas dua minggu, Gereja kembali kepada *status quo* dan anak-anak kita kembali terdedah kepada gelombang pencero-

bahan iman di sekolah. Gereja selalu mengambil sikap mempertahankan diri (*defensive*) dan bukan memathakan serangan (*offensive*). Kita perlu mengalami pencurahan Pentakosta pertama sekali lagi. Hanya pembakaran dan pembersihan api Kristus dapat memberikan kita hati yang baru, dan keberanian untuk memberitakan Berita Baik kepada **semua** orang.

Pekerjaan Roh Kudus sangat nyata dalam tiga kebangunan rohani yang direkodkan di tanah tinggi Sarawak. Pada awal 1930-an, melalui mubaligh dari Borneo Evangelical Mission, suku Kelabit dari Bario dan Lun Bawang dari Ba'kelalan berpaling kepada Allah yang hidup dari kepercayaan pagan mereka. Kemudian pada tahun 1970-an, lawatan Roh Kudus datang dengan hebat sekali sehingga pertaubatan terjadi mula-mula sekali di kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah, dan kemudian merebak kepada orang dewasa. Dan gereja mula berkembang. Pada tahun 1984, keajaiban dan mujizat terjadi di Ba'Kelalan. Peristiwa itu bahkan menjadi berita utama dalam *The Strait Times*. Dalam ketiga-tiga peristiwa ini, kaum lelaki, wanita dan kanak-kanak telah direndam dengan api Roh Kudus, menyebabkan perubahan kehidupan dan pertumbuhan gereja yang dramatik.



Apa pun kepercayaan anda tentang bagaimana Roh Kudus bekerja, adakah anda sekarang berapi-api untuk Tuhan? Sudahkah anda bertemu dengan api Kristus yang membakar dan membersihkan itu? Bagaimana kita tahu adakah api Tuhan membakar dalam diri kita? Apakah bukti-bukti bahawa kehidupan kita telah dibakar oleh Roh Allah?



Oleh kerana Roh Kudus sering dilambangkan sebagai api dalam kitab suci, seorang pengulas Alkitab berkata bahawa satu cara adalah untuk mempertimbangkan tiga fungsi semula jadi api dan mengukur diri kita terhadap mereka adalah: api membakar dari dalam, merebak ke luar dan membakar ke atas.

Pertama, api membakar secara menaik. Ia mempunyai kecenderungan untuk naik ke atas. Pertemuan dengan api Kristus adalah untuk menjadi terbakar dengan pujian. Pada hari Pentakosta, apa yang kelihatan seperti lidah api hinggap pada setiap murid Kristus. Mereka dipenuhi dengan Roh Kudus dan mulai berkata-kata dalam bahasa yang tidak diketahui oleh mereka; tetapi bahasa ini diketahui oleh orang-orang Yahudi diaspora yang datang ke Yerusalem dari pelbagai negara. Dan mereka mendengar para murid mengisytiharkan kebesaran Allah dalam bahasa mereka sendiri.

Pertemuan dengan api pembaptisan Kristus akan mengangkat hati anda dalam pujian dan kesyukuran yang berterusan kepada Allah. Dalam kebangunan rohani Welsh 1904, apabila orang percaya dibakar oleh Roh Kudus, kampung-kampung dan pekan-pekan dipenuhi dengan nyanyian dan pujian kepada Allah. Di kedai-kedai, seseorang akan menyanyi pujian dan yang lain akan turut serta semasa mereka sedang membeli-belah. Dan ketika pelombong keluar dari lombong dan berjalan ke rumah, mereka akan menyanyikan pujian kemenangan iman dan akan berhenti untuk berdoa bersama-sama sebelum mereka sampai ke rumah. Perlawanan bola sepak akan bermula setengah jam lebih lewat kerana semangat orang ramai untuk menyanyikan puji-pujian bersama-sama.



Dalam kebangunan rohani 1970-an di Sarawak, nyanyian pujian dan ucapan syukur akan menyusul selepas pertaubatan dan pengakuan dosa. Ketika mereka menyanyi dan menari di hadapan Tuhan, yang lain sujud tersungkur, bertelut, berdiri dengan tangan terangkat ke langit, dan lagu-lagu baru keluar secara spontan. Hari ini ramai wanita masih bangun pada pukul 4 pagi untuk menyembah Allah dan bersyafaat untuk negara.




Ibu-ibu berdoa syafaat di awal pagi di Ba'kelalan (1989).

Foto oleh: Bob Teoh

Kedua, api merebak ke luar. Setiap tahun, kita menghidu udara tercemar yang dibawa oleh angin dari Sumatera. Api tidak pernah berpuas hati untuk kekal di satu tempat. Sifat semula jadinya adalah untuk merebak. Begitu juga dengan api Roh Kudus. Jika hidup anda telah disentuh oleh api ilahi, anda juga akan ingin berkongsi Injil dengan orang lain; dan menyemarakkan orang lain dengan apa yang anda telah terima.

Pertimbangkan semula para murid yang ada pada Pentakosta pertama. Mereka lumpuh dengan ketakutan dan bersembunyi di balik pintu tertutup. Tetapi Kristus membenamkan mereka di dalam api Roh dan dengan serta-merta semua kesangsian dan kebimbangan mereka cair. Mereka keluar ke jalan-jalan, dan bersaksi tentang keajaiban Allah. Mereka adalah orang-orang yang berkobar-kobar.



Malangnya, api itu telah lama berlalu di Malaysia. Orang Kristian berbahasa Inggeris semakin berkurangan. Dan bagi Kristian berbahasa Malaysia, yang adalah 2 daripada 3 orang Kristian di negara kita, nominalisme telah mula menetap. Kemiskinan dan pengislaman yang agresif di kalangan mereka memburukkan lagi isu ini. Anak-anak muda kita membesar tanpa mengenali Allah

secara peribadi. Mereka adalah seperti generasi kedua orang Israel, "generasi baru yang tidak mengenal TUHAN kerana mereka tidak mengalami apa yang telah dilakukan oleh TUHAN untuk Israel." (Hakim-Hakim 2:10)

Menurut kajian terbaru oleh Washington Pew Research Center, Islam akan membentuk 72.4% (32.7 juta) penduduk Malaysia yang diunjurkan 45.2 juta pada 2050, berbanding hanya 63.7% (18 juta) daripada 28.4 juta penduduk pada Banci 2010. Laporan yang bertajuk "Masa Depan Agama Dunia" itu juga mendedahkan bahawa orang Kristian di Malaysia akan kekal pada hanya 9.4% daripada jumlah penduduk di 40 tahun akan datang, manakala penduduk agama-agama lain akan semakin kurang.

Tidakkah kita harus berdoa untuk satu lagi lawatan Roh Kudus di Gereja kita dalam generasi kita? Tidakkah kita harus berdoa untuk saudara-saudara kita yang berbahasa Malaysia?



Ketiga, api bukan sahaja membakar secara menaik dan melebar, ia juga membakar secara dalaman. Api tidak dapat kekal di permukaan sahaja. Seperti asid, ia akan terus membakar sehingga tiada apa lagi yang tinggal untuk dibakar.

Untuk mengalami pertemuan dengan api Kristus yang membakar dan menyucukan itu adalah untuk mengetahui api yang akan menembusi pembusukan moral kita, yang membersihkan jiwa dan fikiran kita. Inilah yang dimaksudkan oleh Yesus, "Aku membaptiskan kamu dengan api." Air hanya boleh mencuci kotoran dari permukaan. Tetapi hanya Kristus sahaja yang boleh membaptis kita dengan api yang tidak terpadamkan, dan berkesan menangani tabiat dan dosa terdalam kita.


Apakah kondisi hati kita? Jika Allah melihat ke dalam diri kita, apa yang akan Dia lihat?



Pada tahun 1976, Tom Hamblin, seorang misionaris OM, melawat Bario untuk menyaksikan kebangunan rohani yang bermula pada tahun 1973. Ketika dia turun dari pesawat itu, dia terus merasakan hadirat Allah yang kudus. Dia menyedari bahawa Allah telah memberikan banyak kurnia rohani kepada orang Kelabit, dan salah daripadanya adalah hikmat. Orang Kelabit itu dapat 'melihat' ada batu kecil di dalam hatinya yang perlu dikeluarkan. Jika tidak, batu ini akan membesar dan hatinya yang penuh kasih akan bertukar menjadi hati batu.



Apabila dia bertanya "bila, di mana atau bagaimana" batu ini datang ke dalam hatinya, mereka mendedahkan dengan terperinci sesuatu yang telah berlaku di England beberapa waktu lalu antara dia dengan seseorang. Tom masih berasa marah dan tidak mahu mengampuni orang itu.



Inilah yang dia tulis dalam kata pengantar sebuah buku yang berjudul *The Bario Revival*, "Saya berdiri di kalangan orang asing di sebuah negara yang jauh. Saya terkejut dengan apa yang didedahkan oleh mereka kepada saya. Tuhan sedang berbicara kepada saya melalui orang Kelabit ini. Mesejnya sangat mudah. 'Bertaubat dan mengampuni'. Saya tidak melengah-lengah lagi dalam melakukan perkara ini, dan saya boleh bersaksi bahawa saya telah diberkati dengan satu pengurapan dari syurga. Selama seminggu selepas pertaubatan saya, saya berkhotbah, mengajar dan berbicara dengan suatu kuasa yang luar biasa walaupun sangat sedikit tidur."

Adakah batu di dalam hatimu? Masih adakah kebencian di dalamnya? Sudahkah anda mengampuni saudara-saudaramu? Masih adakah sekam dan jerami di dalam hidup anda yang perlu dibakar? Adakah kehendak nafsu dan Iblis telah menyesakkan Roh Kudus di dalam hati anda? Apakah api Tuhan membakar hidup anda? Adakah anda salah seorang daripada bahan pembakar Kristus, yang menyebarkan kasih dan semangat-Nya ke mana saja anda pergi? Ini adalah soalan serius yang kita perlu renungkan menjelang hari Minggu Pentakosta.



Menabur Bahan Sumber BM Kristian

Amat membimbangkan untuk melihat bagaimana anak-anak kita dan anak-anak muda Kristian (terutama di sekolah-sekolah dan kolej) terus menjadi sasaran utama usaha dakwah yang agresif dan sistematik (dalam kebanyakan kes, dibiayai penuh juga). Soalan pancing yang mudah seperti "Alkitab sudah diubah," "Yesus tidak disalib," atau "kamu sembah tiga tuhan" sudah cukup untuk menggoncang iman mereka.

"Jika saya boleh membesar dalam sebuah keluarga Kristian, pergi ke sekolah Kristian, berada di gereja setiap hari Ahad dan Rabu dalam hidup saya ... pergi ke seminari ... ditahbiskan oleh satu denominasi tertentu, dan menjadi pemimpin pendita sebuah gereja, tetapi masih tidak faham bahawa Injil adalah untuk saya sebagai seorang Kristian, itu akan sangat menakutkan!" kata Tullian Tchividjian, senior pastor Gereja Coral Ridge Presbyterian yang juga cucu kepada Billy Graham.

Menyadari keperluan untuk anak-anak muda kita mengetahui apa yang mereka percaya, dan mempercayai apa yang mereka ketahui, Wawasan Penabur telah menerbitkan satu siri lapan belas buku **Siri Asas Kepercayaan Kristian**. Ia diolah untuk bacaan peribadi dan perbincangan kumpulan, dengan ayat-ayat Alkitab dan ruang untuk nota. Pada akhir setiap buku, ada beberapa soalan perbincangan untuk perbincangan kumpulan atau renungan peribadi. Di mana yang perlu, beberapa bahan apologetik juga turut disediakan.



Dr Ng Kam Weng menulis dalam endorsemen siri itu, "Ramai remaja dan belia Kristian mendapati iman mereka tergoncang apabila pengajaran di sekolah-sekolah mendedahkan mereka kepada idea-idea yang mencabar kepercayaan Kristian. Tugas dan usaha untuk mengukuhkan iman mereka menjadi semakin mendesak. Syukurlah usaha ini dipermudahkan dengan adanya buku-buku **Siri Asas Kepercayaan Kristian**. Buku-buku ini memberikan satu pengenalan ringkas, menyeluruh dan praktikal untuk asas-asas doktrin Alkitabiah. Saya menyarankan bahan sumber ini kepada para pastor dan pemimpin gereja yang ingin membangun iman para remaja dan muda-mudi Kristian supaya mereka menjadi matang dan sempurna seperti Kristus, agar tidak lagi diumbang-ambingkan serta ditiup ke sana sini oleh angin ajaran orang licik yang penuh dengan tipu muslihat dan menyesatkan (Efesus 4:13-14)."

Miss Ho Gaik Kim, seorang pensyarah dari Seminari Teoloji Malaysia (STM) percaya bahawa siri ini bukan saja akan membantu orang Kristian mengenali kepercayaan Kristian yang asas, tetapi juga mengenal Allah yang kita percaya. Beberapa isu apologetik (seperti Allah Tritunggal, keilahan Yesus dan kesahihan Kitab Suci) juga akan dikupas. Ia ditulis dengan cara yang memudahkan pembacaan dan pemahaman. Soalan-soalan yang dikemukakan untuk renungan, pembelajaran dan perbincangan menggalakkan pembaca untuk menyelami lebih dalam lagi kepercayaan mereka, dan mencabar mereka untuk menghadapi soalan-soalan yang dibangkitkan oleh orang bukan Kristian. Adalah diharapkan ramai akan didorong untuk membaca dan memupuk iman mereka, dan berikhtiar melengkapkan diri untuk melayani Tuhan dan umat-Nya.

Siri Asas Kepercayaan Kristian ini meliputi tajuk-tajuk seperti "Satu Permulaan", "Alkitab", "Allah, Yesus Kristus dan Roh Kudus", "Kematangan Rohani", "Kepengurusan", "Kemenangan" dan sebagainya. Untuk memastikan buku-buku ini terjangkau, mereka dijual dengan harga RM 1/buah sahaja.

Satu Anak Kristian Satu Alkitab

Kempen "**Satu Anak Kristian Satu Alkitab**" masih berjalan. Semasa tim Wawasan Penabur melawat gereja-gereja dan Sekolah Alkitab di pedalaman Sabah and Sarawak, masih ramai kanak-kanak yang belum memiliki Alkitab Kanak-Kanak. Kami telah menamakan kempen ini sebagai "**Satu Anak Kristian Satu Alkitab**" supaya kita dapat melihat keterdesakan untuk meletakkan Alkitab di tangan setiap kanak-kanak Kristian di Malaysia.

Sehingga kini, kami telah mengedar 210,000 naskah sejak Kempen itu dilancar pada Jun 2013. Kami mencetak 30,000 buah lagi untuk memastikan misi Satu Anak Kristian Satu Alkitab dapat dicapai.



Kanak-kanak Penan



Pelajar Penan membaca Alkitab Kanak-Kanak di SMK Bario

Inisiatif TITUS 2:7

Sehingga kini, kami telah mengedar 1,600 naskah Alkitab Edisi Studi kepada pastor, pemimpin, pelayan Gereja BM dan pelajar Sekolah Alkitab. Berdoalah kerana dengan SOP Kementerian Dalam Negeri yang baru, kini pengimptan Alkitab dan buku-buku Kristian diletakkan di bawah Akta Percetakan Teks Alquran 1986 yang dahulunya hanya untuk orang Islam. Pengimport kini harus memohon dari Bahagian Teks Alquran KDN di mana mereka boleh membuat keputusan untuk melulus atau menolak.

Tetapi di atas segalanya, kami mahu bersyukur kepada Tuhan di mana ramai pemimpin dan pelajar Sekolah Alkitab telah diberkati dengan Alkitab Edisi Studi yang mereka terima.



334 guru-guru Sekolah Minggu dari BEM Sarawak menerima Alkitab Edisi Studi pada Mac 2015



132 pastor Basel Christian Church of Malaysia (BCCM) BM menerima AES pada Februari 2015

Menjambatani Komuniti Kristian

Mendukung Pelajar Sekolah Alkitab

Terdapat keperluan yang besar untuk menyokong pelajar-pelajar sekolah Alkitab, terutamanya sekolah Alkitab di kawasan pedalaman. Banyak menyahut panggilan Tuhan tanpa mengetahui jika mereka akan dapat menamatkan pengajian kerana kewangan adalah sentiasa menjadi satu isu. Tiga pelajar Penan dari STP Long Lama terpaksa berhenti baru-baru ini semata-mata kerana mereka tidak dapat menjelaskan yuran sekolah mereka, dan gereja yang menjanjikan untuk menaja mereka juga gagal untuk berbuat demikian. Pelajar sekolah Alkitab di utara Sabah juga menghadapi cabaran yang sama.

Kami selalu mengingatkan gereja bukan BM bahawa Gereja Malaysia yang kuat adalah Gereja BM yang kuat (kerana lebih daripada 65% orang Kristian di Malaysia adalah berbahasa Malaysia). Baru-baru ini Wawasan Penabur berjaya mendapat biasiswa untuk beberapa pelajar sekolah Alkitab. Satu Kelompok Sel dari PJ memutuskan untuk melakukan apa yang dikatakan. Mereka membuat komitmen untuk membantu RM 400 sebulan bagi seorang pelajar tahun dua yang sudah berumah tangga dan mempunyai dua orang anak.



Sekolah Alkitab di pedalaman

Model tata kelola kami (untuk kedua-dua penaja dan yang ditaja) memerlukan pelajar untuk terus berhubung dengan penaja sekurang-kurangnya sebulan sekali (melalui e-mel, sms atau Whatsapp). Selain daripada sumbangan kewangan bulanan, penaja juga digalakkan untuk menghantar nota-nota galakan kepada pelajar dan melawatnya. Penaja didorong untuk menaruh minat dalam kehidupan pelajar walaupun selepas mereka tamat pengajian dan mula melayani sebagai pastor di gereja-gereja di pedalaman.

Berikut adalah dua testimoni dari pelajar sekolah Alkitab di Kudat:

(1) Jason *, 32.

Jason adalah pelajar tahun kedua yang berasal dari Dandun, Kudat. Dia telah berkahwin dan mempunyai dua orang anak. Dalam tahun-tahun awalnya, dia telah menjauhkan dirinya dari semua aktiviti Kristian, termasuk kebaktian di gereja. Dia sedar bahawa dilahirkan dalam sebuah keluarga Kristian tidak secara automatik menjadikan dia seorang pengikut Kristus. Namun, ketika dia berada di Tingkatan 4, Tuhan berbicara kepadanya kerana pada waktu itu Persekutuan Kristian (PK) di sekolahnya menghadapi banyak sekatan dan cabaran. Usaha pengislaman begitu besar sehingga sekurang-kurangnya sepuluh orang pelajar Kristian telah memeluk Islam. Tiada PK dibenarkan di asrama sekolah di mana dia menghuni sehingga tiada seorang pun yang mahu memimpin PK.



Di tengah-tengah "pengania-yaan" ini, dia mula menyedari bahawa dia perlu bangkit dan bertaubat serta menyerahkan hidupnya kepada Tuhan. Dia mengambil-alih kepimpinan PK. Dengan beberapa teman yang lain, dia mula mendekati orang-orang yang baru-baru ini telah memeluk Islam untuk membawa mereka kembali kepada iman. Banyak kali kumpulannya dipanggil oleh warden asrama and dibawa ke pejabat guru besar. Ini membuat bebannya menjadi semakin besar, dan dia merasakan panggilan Tuhan untuk melayani Dia sepenuh masa.

**Bukan nama sebenar*

Setelah selesai SPM, dia kembali ke kampungnya dan mula melayani di gereja sebagai pemimpin ibadat dan pengerusi kebaktian minggu. Kemudian dia diberi kepercayaan untuk menerajui pelayanan muda-mudi. Semangat untuk mahu melayani Tuhan sepenuh masa menjadi semakin besar.

Melihat keperluan untuk mendalami Firman Tuhan, Jason akhirnya mendaftar masuk sekolah Alkitab kerana mahu melayani umat Allah digereja tempatan. Bebannya bukan sahaja untuk memenangi yang hilang, tetapi juga untuk mendekati mereka yang nominal atau telah meninggalkan Tuhan. Dia terbuka kepada panggilan Tuhan, dan akan setia melayani Dia di mana sahaja dia dihantar selepas tamat pengajian nanti.

(2) Veronica *, 22.

Veronica adalah generasi kedua Kristian. Bapanya adalah seorang petani tetapi juga melayani sebagai seorang penginjil di gerejanya. Veronica mendapat keputusan STPM yang baik tetapi dia merasakan panggilan untuk masuk ke sekolah Alkitab dan bukannya universiti. Itu adalah satu pergumulan yang besar. Jelas keluarganya sangat kecewa dengan keputusan itu, tetapi dia mendapat kedamaian dari Tuhan untuk dilatih sebagai hamba-Nya melalui sekolah Alkitab. Dia memberi jaminan kepada ibu bapanya bahawa ada harapan dan masa depan untuk keluarga mereka tatkala mereka belajar untuk taat kepada panggilan-Nya.



Dia kini belajar di tahun kedua. Dia percaya Tuhan mempunyai rancangan yang besar untuk denominasi gerejanya. Memang ramai anak-anak muda semakin dingin terhadap Allah, tetapi Allah tidak melupakan gereja-Nya dan bangsanya. Tiada apa yang mustahil dengan Tuhan walaupun kadang-kala mereka berasa tawar hati melihat anak-anak muda yang tidak berminat dalam hal-hal rohani. Ramai daripada mereka beralih kepada Islam, atau tidak mahu dianggap sebagai orang yang kuat agama. Dunia telah memenangi para belia ini. Allah harus sekali lagi membangkitkan semula generasi ini.

Veronica terbuka kepada pimpinan Tuhan. Dia terbuka kepada melayani-Nya di sebuah gereja tempatan, atau sambung ke pengajian teologi yang lebih tinggi. Satu perkara yang dia pasti, "Allah mempunyai rencana yang indah bagi saya, dan bagi bangsa saya."

Buku untuk Perpustakaan Sekolah Alkitab


Kami bersyukur kepada Tuhan untuk beberapa penderma yang telah memberi beberapa ribu ringgit membolehkan PPT PCS, sebuah sekolah Alkitab di Kudat, Sabah menambah-beli lagi buku-buku untuk perpustakaan mereka.



Bengkel Penulisan Bersama Dr. Miriam Adeney

Sebutir Padi yang Berbuah Banyak

William Napitapoeloe adalah seorang Batak dari Huria Kristen Batak Protestan. Dia pertama kali datang ke kampung Sengoi di Cameron Highlands pada tahun 1932, sebagai seorang guru di sekolah yang ditubuhkan oleh Methodist Home Missionary Society. Dia kemudian berpindah untuk bekerja dengan Perhimpunan Tuhan sekolah Assembly of God di Chenderiang, tetapi kemudian berpindah lagi ke Tanjung Malim dan Slim River, untuk melayani masyarakat Orang Asli tanah rendah. Dia mendapati berkhotbah dengan semangat evangelikal adalah lebih memuaskan daripada kerja harian mengajar pelajar Orang Asli untuk membaca, menulis dan menjaga kebersihan.



Orang Asli tidak mempunyai skrip bertulis. Tetapi warisan William Napitapoeloe tetap hidup. Dengan inisiatif sendiri, Napitapoeloe menghasilkan risalah misi dan mula menterjemahkan Alkitab ke dalam bahasa Sengoi. Pada tahun 1953, dia telah menghasilkan satu risalah bertajuk *Nong Selamat* (Jalan Keselamatan). Injil Markus dan Yohanes dalam bahasa Sengoi selesai diterjemah pada tahun 1954. Injil ini kemudiannya telah diterbitkan oleh Persatuan Alkitab di London.

Dia juga mengasaskan beberapa gereja di kalangan masyarakat Sengoi di Tapah-Bidor dan kawasan Chenderiang, dan membaptis lebih 100 Orang Asli. Akhirnya dia dilihat sebagai satu ancaman dan mula diganggu oleh pihak polis dan beberapa orang Melayu yang percaya bahawa Orang Asli seharusnya memeluk agama Islam. Di akhir tahun 1955, dia telah diarahkan untuk meninggalkan Malaya walaupun sudah 23 tahun tinggal di negara ini.

Tetapi dalam tempoh setahun, dia kembali ke Malaya dengan sebuah bot nelayan untuk mengelakkan pihak berkuasa imigrasi Tanah Melayu. Dia kembali menginjil dan memimpin di kampung-kampung Kristian Sengoi. Selama empat tahun dia melayani dengan profil yang rendah. Satu hari, sekumpulan pelampau Melayu datang secara tiba-tiba menangkap dan memukulnya tanpa belas kasihan. Dia dikejarkan ke Hospital Tapah di mana dia meninggal dunia pada 16 Jun 1960.



Dedikasinya kepada kesejahteraan dan keselamatan orang Sengoi, menterjemah dua injil dan beberapa lagu pujian ke dalam bahasa Sengoi, serta bahan bertulis untuk mengajar literasi layak diperakui. William F. Napitapoeloe adalah seorang syahid Kristian yang mendedikasikan hidupnya untuk kesejahteraan sebuah suku terabaikan yang tinggal di hutan Tanah Melayu - Orang Asli. Sebutir padi telah jatuh ke dalam tanah, dan menghasilkan buah yang banyak. (Petikan dari *The Story of Sengoi Mission* oleh Paul B. Means, 2011)



1. Ku i-mémula Gah Selamat ju Jéus Kristus, Kénon Tuhan Jah.
2. Sa-bagei du ki-térsurat ju nabi Jéssays :
Neng, Eng kirip-léh Eng punya kussas, chanu ju he punya témba,
Du ha ui bimbei he punya nong;
3. Suars mai du ki-karu ku léngri liku ajéh, ki-uro :
Beh bimbei-léh nong Tuhan,
Beh-léh i-lorong-lorong du tégak.
4. Ki-tiba-léh Bah Johannes ru ki-pérmuh ha mai, ru ki-paal ha
ma'nuh, tanda sténgi tobat ru na'ampun dosa-dosa.

Markus 1:1-4 (Bahasa Sengoi)

Cerita-cerita seperti inilah yang perlu ditulis dan diberitahu kepada gereja BM di negara ini. Itu adalah tujuan utama apabila Wawasan Penabur menganjurkan satu lagi Bengkel Penulisan bersama Dr Miriam Adeney di Sabah pada 2-6 Mac 2015. Tema utama bengkel 5 hari itu adalah "Pahlawan-Pahlawan Iman." Ia dihadiri oleh sembilan orang peserta. Di antara cerita-cerita yang ditulis adalah cerita enam orang Rungus Kristian yang pertama, pastor Lun Bawang pertama yang melayani di kalangan masyarakat Murut Tagal dan seorang hamba Tuhan yang telah dipakai oleh Allah dalam Kebangunan Rohani Ba 'Kelalan pada 1980-an.



Wawasan Penabur akan menerbitkan semua cerita-cerita ini di dalam "Siri Pahlawan Iman" kami, dan menterjemah karya-karya lain yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa Rungus. Kami berharap gereja-gereja BM akan sentiasa mengingati para pelopor iman di negara ini. Mereka mempunyai warisan yang sangat kaya yang belum lagi diketahui ramai.

"Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya jikalau biji gandum tidak jatuh ke dalam tanah dan mati, ia tetap satu biji saja; tetapi jika ia mati, ia akan menghasilkan banyak buah."
(Yohanes 12:24)



BERSUKA & BERSYUKUR bersama kami untuk:

1. Rahmat dari Tuhan untuk semua peluang dan pintu yang terbuka bagi kami bekerjasama dengan pelbagai gereja, denominasi, individu & organisasi Kristian di pelbagai tempat.
2. Penyediaan dan penguatan dari Tuhan untuk semua pelayanan Wawasan Penabur.
3. Anda... rakan sepelayanan dan Rakan Penabur kami.

BERDOA bersama kami untuk:

1. Perlindungan Tuhan atas pelayanan ini.
2. Perlindungan ilahi untuk kami dan keluarga kami.
3. Perlindungan untuk semua perjalanan kami.
4. Hikmat dan petunjuk dari Tuhan yang jelas untuk pelbagai keputusan bagi peluang-peluang pelayanan.
5. Jadual perjalanan dan perkongsian kami:

Mei	8	MTS, Namas, Sabah
Jun	13-14	Wesley Methodist Church, Sitiawan
	22-25	STP Belaga, Bintulu STP Long Lama, Baram
Julai	26	Varsity Gospel Centre, PJ
Ogos	16	Balai Baptis Kalvari, PJ

Sila hubungi kami jika gereja anda mahu kami berkongsi tentang peluang dan cabaran yang dihadapi oleh Gereja BM di Sabah & Sarawak.

Badan Penasihat

- Rev Wong Fong Yang
- Rev Danil Raut
- Lim Heng Seng
- Rev Datuk Jerry Dusing

Badan Pengurus (Penabur)

- Chow Chee Yan
- Roshan Thiran
- Alfred R. Tais
- Randy Singkee

Staf Wawasan Penabur

- Randy Singkee
- Edwin Kee
- Rasminah Oyok

Kami ingin memperkenalkan staf baru Wawasan Penabur:



Edwin Kee adalah Project Manager ICT kami. Dia bertanggungjawab ke atas semua strategi media digital Wawasan Penabur. Berasal dari Penang, dia berbakti di sebuah gereja Methodist di PJ.

Rasminah Oyok, Eksekutif Administrasi kami, berasal dari Pitas dan bersuku Tombonuo. Lulusan dari UiTM pada tahun 2013 dan berbakti di gereja PCS.

**Bagaimana Kita Boleh Bekerjasama?**

Ada banyak cara kita boleh bekerjasama dalam pelayanan menabur, menanam dan menyebarkan sumber yang terbaik kepada gereja-gereja BM.

- Membangun kesedaran dan menggalang dana.** Saya percaya pelayanan ini berpotensi jangka panjang. Saya ingin berperanan aktif untuk memberitahu inisiatif ini supaya orang lain juga akan beriltizam menguatkan gereja BM melalui tenaga, dana dan doa.
- Menyumbang** kepada **"Kempen Satu Anak Kristian Satu Alkitab"** untuk kanak-kanak Gereja BM Orang Asli, Sabah dan Sarawak
- Menyumbang** kepada **"Inisiatif TITUS 2:7" Wawasan Penabur** bagi menyediakan Alkitab Edisi Studi untuk para pastor, pemimpin dan pelajar sekolah Alkitab BM.
- Terlibat dalam projek penulisan dan penterjemahan.** Saya ingin menyumbang dalam pengembangan sumber BM dengan para penulis, penterjemah dan penerbit yang lain.
- Doa Syafaat.** "Jikalau bukan TUHAN yang membangun rumah, sia-sialah usaha kita yang membangunnya". Saya mahu serahkan diri kepada Tuhan untuk berdoa bagi gereja-gereja BM dan pelayanan Wawasan Penabur.
- Mensponsor** pelajar Sekolah Alkitab di pedalaman melalui **"Inisiatif Jembatan"** Wawasan Penabur.

 Saya / Organisasi/Syarikat saya mahu menyumbang untuk pelayanan Wawasan Penabur.

Ini adalah sumbangan saya/kami untuk Wawasan Penabur*: RM _____

Nama : _____ Email: _____

Alamat: _____

Nombor Telefon : _____ (rumah) _____ (pejabat)
 _____ (telefon bimbit) _____ (fax)

Cek: atas nama "Wawasan Penabur Sdn Bhd"
 Bank-in : Public Bank no akaun: 3127674507
 CIMB Bank no akaun: 800 2648457
 May Bank no akaun: 5623 6663 2813

* Sila fax/kirim/email *bank-in-slip* kepada kami.